

Projek Kampung Sungai Baru masih samar

KUALA LUMPUR - Pemaju pembangunan semula Kampung Sungai Baru, Kampong Bharu disyorkan menyerahkan kembali tanah kepada pihak berwibawa jika tiada kemampuan menyiapkan projek seperti dijanjikan.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, pembangunan itu masih samar walaupun 95 peratus penduduk sudah dipindahkan.

Menurutnya, projek berkenaan perlu diteruskan bagi membela nasib penduduk yang mengosongkan ke diaman masing-masing bagi memberi ruang projek tersebut dilaksanakan.

"Sehingga hari ini sudah enam tahun mereka berpindah tetapi tidak dapat semula unit dijanjikan.

"Jika pemaju tak ada kekuatan kewangan untuk teruskan projek, sebaiknya semula tanah ini untuk diberi kepada pemaju lain yang lebih berwibawa," katanya ditemui ketika Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Menteri Perladangan dan Komoditi di pekarangan pintu gerbang Kampong Bharu pada Sabtu.

Ujarnya, tiada alasan penangguhan projek dilakukan susulan bangunan dikosongkan itu kini terbiar dan menjadi aktiviti tidak sihat.

Justeru, beliau menggesa



Johari (tiga dari kanan) melayani tetamu yang hadir di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di Kampong Bharu, Kuala Lumpur.

Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil perhatian serius terhadap isu berkenaan.

"Saya akan pastikan projek ini dimulakan dan bangunan terlibat perlu dirobohkan supaya tiada isu berbangkit dalam kawasan ini.

"Isu ini telah dibincangkan bersama pemaju beberapa kali, malah JWP dan DBKL membantu mereka untuk kelulusan baki tanah bermasalah, tiada sebab pemaju mahu tangguh lagi projek ini," katanya.

November lalu, Johari yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi

berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan projek pembangunan semula kawasan itu tidak ditangguhkan lagi.

Ujar beliau, Pejabat Perdana Menteri sebelum ini sudah memberikan penangguhan hingga 31 Oktober 2023 dan tiada lanjutan penangguhan serta pemaju perlu selesaikan projek berkenaan.

Isu pengambilan tanah Kampung Sungai Baru membatitkan 67 unit rumah teres dan 14 blok pangsapuri dikenali sebagai Pangsapuri Sungai Baru dengan proses pengambilan tanah bermula sejak 2018.